

## Press Clipping

17 April, 2007 17:52 PM



### Zon Bebas Pelabuhan Klang Tarik Lebih Banyak Firma Minyak Dan Gas

Daripada Umi Hani Sharani 

SAN JOSE (AS), 17 April (Bernama) -- Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) mahu menarik lebih banyak syarikat hiliran minyak dan gas melabur di zon itu memandangkan industri terlibat dianggap belum diteroka di Asia Pasifik, kata penolong pengurus besar jualan dan pemasarannya, Azizul Annuar.

Beliau berkata syarikat-syarikat yang membekalkan produk untuk operasi luar pesisir di rantau ini dapat berjimat dari segi masa, kos, serta proses kemudahan pelabuan jika beroperasi di PKFZ, yang dibangun dan dimiliki oleh Lembaga Pelabuhan Klang.

"Industri minyak dan gas masih dianggap belum diteroka di Asia Pasifik dan kami mahu mengambil kelebihan itu dengan menempatkan syarikat luar negara yang beroperasi di rantau ini di PKFZ," katanya kepada Bernama sempena misi perdagangan Malaysia ke Amerika Syarikat.

Misi itu yang diketuai oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, bermula di Miami, Florida pada 8 April, sebelum meneruskan perjalanan ke Minneapolis di Minnesota. San Jose di California ialah destinasi akhir misi itu.

Azizul berkata PKFZ, yang memulakan operasi lewat tahun lepas, sudah menempatkan sebuah syarikat minyak dan gas sebagai penyewa utama. Ia kini mempunyai 22 firma kontrak, dengan syarikat antarabangsa menggunakan kemudahan gudang, kilang pemasangan, kilang pembuatan dan kemudahan lain di zon itu.

PKFZ ialah pusat pengumpulan dan pengedaran kargo antarabangsa berkeluasan 405 ha di Pulau Indah yang direka bentuk untuk mempromosikan industri yang terbabit dalam pembuatan dan entrepot yang mengeluarkan barangan untuk eksport.

"Kami yakin industri minyak dan gas berpotensi besar di Asia Pasifik, terutama di PKFZ. Kewujudan di PKFZ akan membolehkan syarikat membekalkan produk untuk operasi luar pesisir dalam masa yang singkat," katanya.

Menurut Azizul, PKFZ sudah mengenal pasti empat syarikat minyak dan gas yang berpejabat di Houston, dengan dua daripadanya berminat untuk melabur di Malaysia manakala pengilang dari Minneapolis dijangka melabur kira-kira AS\$3-5 juta (AS\$1 = RM3.43) dalam tempoh tiga bulan akan datang di zon itu.

"Kami juga sedang berusaha untuk mendapatkan pengeluar peranti perubatan dari San Jose untuk beroperasi di PKFZ memandangkan syarikat itu sedang berusaha untuk menembusi pasaran Asean," katanya.

Beliau berkata syarikat itu sudah melabur AS\$7-10 juta di kawasan seluas dua hektar di PKFZ dan sedang mencari rakan usaha sama tempatan untuk mengeluarkan peranti perubatan berkenaan.

Azizul berkata sasaran PKFZ ialah kira-kira 70 peratus pelaburan langsung asing dan secara berperingkat-peringkat menarik syarikat-syarikat multimedia untuk beroperasi di situ.

Selain minyak dan gas, beliau berkata PKFZ juga menggalakkan pelaburan dalam sektor logistik, pemasangan, automotif, farmaseutikal, kejuruteraan, fabrikasi dan petrokimia.

-- BERNAMA